


Kuantiti seni mengukur kualiti seniman

UB 29.10.17 B2



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

buah karya begitu juga pengunjung yang hadir pada hari tersebut sangat ramai sehinggalah menjadi pesta seni yang besar dikunjungi oleh ribuan peminat seni visual di sekitar Lembah Kelang dan penduduk di sekitarnya.

Penulis berasa sangat bangga kerana ramai pengunjung pameran yang berhimpit dan beratur dengan sabar untuk menyaksikan karya yang di pameran setiap galeri. Ini juga membuktikan bahawa rakyat Malaysia sudah mula meminati seni bukan sahaja seni lukis sebagai hiasan dan dihayati secara artistik ia juga sudah dianggap sebagai komoditi pelaburan dan ini akan mengangkat industri seni di negara kita Malaysia.


Pendapat ini di sokong dengan beberapa acara lelong seni visual yang berlaku di sekitar Lembah Kelang serta bandar bandar besar yang lain umpamanya di Pulau Pinang, Johor Bahru bahkan juga negara Singapura sebagai negara pengumpul khazanah seni di rantau ini. Semasa pameran ekspo seni 2017 penulis melihat beberapa karya seni yang dijual dengan harga ratusan ribu ringgit terutamanya pelukis negara yang berwibawa seperti Datuk Ibrahim Hussin, Dato Syed Ahmad Jamal dan beberapa orang pelukis muda seperti Jailani Abu Hassan, Awang Damit dan sebagainya.

Terdapat lebih dari tiga puluh buah kedutaan asing yang mengambil bahagian mempamerkan karya negara mereka dan tidak kurang hampir empat puluh buah galeri persendirian yang mengambil bahagian. Aktiviti selama pameran berjalan termasuklah forum seni, ceramah seni dan diskusi yang berkaitan dengan tokoh pelukis umpamanya pada tahun ini tokoh yang diutamakan adalah Profesor Awang Damit berasal dari Sabah tokoh seni yang tidak asing lagi.

Dalam pameran yang hebat ini terdapat karya yang menarik, indah dan juga yang menguja minda khalayak, walaubagaimanapun terdapat juga celah karya yang hebat itu banyak juga karya yang dangkal, lemah dan tidak mencapai mutu yang sepatutnya.

Pada minggu yang sama di senario tempatan pula penulis dijemput dalam majlis penyampaian hadiah pameran Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah, satu pameran terbuka yang di tunggu tunggu

“ Di samping mempamerkan secara luas dan menjual lukisan ia juga menjadi ruang pertemuan aktivis seni mengadakan acara auction atau lelong (Lelang) karya seni serta mengadakan pertemuan antara pelukis dan juga pengumpul seni, pendek kata segala perniagaan seni di jalankan pada masa dan waktu sepanjang pameran berjalan selama empat hari tersebut.



ADI karya Dato Ibrahim Hussin.



PENGUNJUNG yang datang ke Art Ekspo 2017.

oleh pelukis muda di negeri ini.

Menurut laporan dari pengurus Galeri Negeri Sabah terdapat penyertaan yang banyak iaitu 614 karya dan lebih 500 peserta mengambil bahagian untuk tahun 2017 ini sahaja. Pameran yang besar dan hebat ini dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sabah dan juga di hadiri oleh ramai pembesar negeri. Walaupun terdapat karya yang begitu banyak yang diadili hanya beberapa buah karya sahaja yang dapat dinilai memandangkan kualiti karya yang di pilih lebih baik dari yang tidak dapat di terima sebagai pemenang.

Dalam konteks ini kita selalu mengukur kejayaan sesebuah pameran kerana ramainya pelukis yang mengambil bahagian namun yang jarang di perhatikan adalah kualiti karya yang di utarakan sebagai karya yang berwibawa dan memenangi pertandingan.

Apakah kriteria yang di anggap baik serta memenuhi syarat


pertandingan agar ia tidak menjadi sesuatu yang di perlekehkan. Seperti juga halnya dengan ekspo seni yang berlaku di Kuala Lumpur terdapat karya yang mediocre yang menggunduli hadiah utama yang jika di kaji dengan teliti karya tersebut tidak sepatutnya mendapat penghargaan yang tinggi.

Apa yang merisaukan benak penulis adalah jika ini berterusan karya yang dangkal diangkat maka ia akan menjadi kayu ukur yang lemah oleh pelukis muda dan ini juga mengakibatkan kualiti atau mutu karya yang di hasilkan pada masa akan datang akan hanya menjadikan pentadbir seni syok sendiri.


Penulis merasakan sudah masanya menggalakkan dan membuka luas genre karya yang lebih mutakhir agar persepsi khalayak tidak hanya melihat seni visual terkongkong kepada 'lukisan' semata mata.

Menurut pelukis Hans Hoffman seorang adiguru abstrak ekspresionist menekankan 'Visual experience cannot be based on feeling or perception alone. Feeling and perceptions which are not sublimated by essence of things lose themselves in the sentimental'.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



HASIL seni yang dipamerkan pada Art Ekspo itu.



SALAH satu arca yang dipamerkan.